



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

KESUMA SOKONG PENUH PENGUMUMAN PERDANA MENTERI, PERKUKUH AGENDA REFORMASI TENAGA KERJA NEGARA SEMPENA HARI PEKERJA 2026

KUALA LUMPUR, 1 Mei 2026 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menyokong penuh pengumuman penting yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim sempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 yang berlangsung di Unifi Arena, Bukit Jalil dengan kehadiran lebih 15,000 pekerja dari seluruh negara merangkumi sektor awam, swasta, badan berkanun serta wakil kesatuan sekerja.

Bertemakan “Pekerja MADANI Kesuma Bangsa”, sambutan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam mengangkat martabat pekerja sebagai tunjang utama pembangunan negara. Penganjuran Karnival Hari Pekerja 2026 yang berlangsung secara sederhana dari 1 hingga 3 Mei turut menyediakan platform akses kepada perkhidmatan kerajaan, peluang kerjaya dan latihan kemahiran secara terus kepada rakyat.

KESUMA menegaskan bahawa keseluruhan pengumuman YAB Perdana Menteri merupakan langkah strategik dan holistik dalam memperkukuh landskap tenaga kerja negara. Dalam hal ini, KESUMA amat mengalu-alukan pemuktamadan Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN) 2026–2035, yang bakal menjadi kerangka dasar komprehensif pertama negara dalam mengurus pembangunan buruh secara bersepadu merangkumi aspek kemahiran, perburuhan, perhubungan perusahaan dan keselamatan sosial berteraskan prinsip tripartisme.

Selain itu, KESUMA turut menyokong cadangan pengenalan **Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB)** di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 sebagai langkah progresif dalam memperkukuh penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Inisiatif ini dijangka memberi **manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita** melalui sokongan kewangan tambahan dan ruang penyesuaian sebelum kembali bekerja.

Dalam memperluas jaringan perlindungan sosial, KESUMA menyifatkan cadangan pindaan undang-undang bagi membolehkan perlindungan PERKESO diperluaskan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara yang dikenali sebagai **Skim Pengembara** sebagai langkah tepat pada masanya. Inisiatif ini dijangka memberi **manfaat kepada lebih 480,000 pekerja rentas sempadan**, selaras dengan prinsip bahawa perlindungan sosial mesti bersifat inklusif dan tidak terhenti di sempadan negara.

KESUMA juga mengambil maklum pendekatan proaktif Kerajaan dalam mendepani cabaran krisis tenaga global melalui pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) secara bersasar serta galakan kepada sektor swasta untuk melaksanakan Aturan Kerja Fleksibel (AKF). Pendekatan ini bukan sahaja menyokong keseimbangan kerja dan kehidupan, malah menjadi instrumen strategik dalam pengurusan permintaan tenaga negara.

Pada masa yang sama, pelaksanaan Pakej Daya Tahan Ekonomi **Progressive Acceleration for Capability and Employment (PACE)** bernilai lebih RM710 juta dilihat sebagai intervensi menyeluruh dalam melindungi pekerjaan, memperkukuh kebolehgajian pekerja serta menyokong kelangsungan perniagaan. Empat teras utama merangkumi perlindungan sosial, latihan dan penempatan pekerjaan, pengupayaan pekerja gig serta pemantapan bakat muda dan PMKS diyakini mampu meningkatkan daya tahan ekonomi negara secara mampan.

PACE akan dilaksanakan melalui empat inisiatif utama, iaitu pertama, Kesiapsiagaan Perlindungan Sosial melalui pengukuhan jaringan keselamatan menerusi faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan serta meningkatkan kebolehgajian, dengan dana melebihi RM580 juta yang disediakan oleh **PERKESO**. Kedua, Pemerkasaan Latihan dan Penempatan Kerja dengan peruntukan RM100 juta melalui program PACE (Progressive Advancement for Capability & Employment) oleh **HRD Corp** yang turut disokong oleh platform MYFutureJobs bagi memudahcara penempatan pekerjaan khususnya kepada

golongan belia dan kumpulan rentan. Ketiga, Pengupayaan Pekerja Gig melalui peruntukan RM20 juta kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (**PTPK**) bagi memperluas latihan kemahiran serta memperkukuh perlindungan sosial pekerja gig termasuk dalam sektor e-hailing dan p-hailing. Keempat, Pemantapan Bakat Muda dan Ketahanan PMKS melalui pelaksanaan Geran Padanan Latihan Industri oleh TalentCorp dengan peruntukan RM10 juta bagi menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat pemula dalam melatih bakat masa hadapan.

Dalam konteks pengumuman oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, KESUMA turut komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif yang menyokong kesejahteraan pekerja, termasuk pelaksanaan Skim LINDUNG 24 Jam PERKESO, peningkatan had umur Skim LINDUNG KASIH kepada 60 tahun, peluasan Kad Pekerja MADANI kepada pekerja gig, serta pengenalan Mobile Labour Court bagi memperluas akses keadilan kepada pekerja di seluruh negara.

Usaha pendigitalan juga akan terus diperkasa melalui Portal Lindung Faedah PERKESO, manakala pembangunan bakat masa hadapan akan dipacu melalui penubuhan Akademi Semikonduktor KESUMA (ASK) serta pelaksanaan TVET Inklusif MADANI (TiM) bagi memastikan akses latihan kemahiran berkualiti dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

KESUMA berpandangan bahawa semua pengumuman ini selari dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dalam mewujudkan pasaran buruh yang lebih dinamik, berdaya saing dan inklusif, dengan sasaran meningkatkan gaji penengah serta memperkukuh sumbangan tenaga kerja kepada ekonomi negara.

Secara keseluruhannya, KESUMA komited untuk memastikan setiap dasar, inisiatif dan reformasi yang diumumkan dapat dilaksanakan secara berkesan dan memberi impak langsung kepada kesejahteraan pekerja. Sambutan Hari Pekerja 2026 ini bukan sekadar simbol penghargaan, tetapi menjadi titik tolak kepada transformasi menyeluruh ekosistem tenaga kerja negara yang lebih progresif, inklusif dan berdaya tahan.

“Pekerja MADANI, Kesuma Bangsa.”

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
1 MEI 2026

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	